KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22.02.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Perak sedia bantu program pembiakan seladang elak spesies itu pupus

IPOH - Kerajaan Perak sedia membantu usaha membiakkan seladang liar yang kini diancam kepupusan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menghalang populasi haiwan terus berkurangan.

Menurutnya, haiwan tersebut kini memang sukar ditemui di dalam hutan dan hanya boleh melihat secara dekat di dalam zoo seperti di Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS).



SAARANI

"Kita berbincang dengan Perhilitan dan JPV bagaimana untuk menghalang populasi itu daripada terus hilang kerana haiwan ini adalah antara tarikan penting kepada pelancong.

"Walaupun usaha ini bukan mudah namun kita akan usahakan untuk berbincang bagaimana untuk melakukannya," katanya di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Saarani berkata, usaha kini perlu digerakkan bagi mengenal pasti lokasi yang masih terdapat haiwan tersebut serta habitat sesuai untuk haiwan tersebut dibiakkan.

Laporan *Sinar Harian* pada Ahad menyatakan bahawa spesies lembu liar itu kini berada dalam keadaan terancam dan akan pupus sepenuhnya jika tiada usaha yang serius dilakukan untuk menyelamatkannya.

Jumlah seladang liar kini dianggarkan sekitar beberapa ratus ekor sahaja dan hanya boleh dijumpai di kawasan utara Semenanjung Malaysia dalam beberapa kelompok kecil yang terpisah dan tidak dapat bertemu untuk membiak.

ZTNS sebelum ini juga telah menggerakkan program pembiakan seladang sejak 1998 dalam usaha melindungi populasi spesies terancam itu.

Pengarahnya, Dr Kevin Lazarus berkata, program dengan kerjasama Perhilitan itu berjaya membiakkan enam ekor anak seladang.

Menurutnya, sebahagian daripada anak seladang berkenaan ditempatkan di beberapa zoo di negara ini di bawah program pembiakan khas.



Laporan *Sinar Harian* pada Ahad.